



Selamat Datang
Ke Laman Portal
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI



Jumaat, Februari 17, 2017

MENGENAI KAMI

PENYELIDIKAN

AKADEMIK

JARINGAN

ANTARABANGSA

KEHIDUPAN KAMPUS

PERKHIDMATAN



| A- | A | A+ | EN | RU | AR

BERITA »

Kembara Putra Satria martabat seni, budaya Melayu Negeri Sembilan

Oleh Shazieha Rahim



SERDANG – Seramai 116 pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) menyertai program kembara Satria siri 5 (siswa@budaya) sayangi komuniti UPM bertujuan memartabatkan kesenian muzik Cak Lempong di kalangan masyarakat daerah Port Dickson.

Pengarah program, Rafiuddin Ashaari berkata program bagi memupuk perkongsian ilmu dalam bidang kesenian serta melahirkan mahasiswa yang berketerampilan dalam bidang seni dan kebudayaan.

"Pelajar dapat mengenali nilai budaya dan kesenian di kalangan komuniti terutamanya Cak Lempong yang merupakan kesenian dan warisan Negeri Sembilan," katanya.

Turut hadir Y.A.M Tunku Zain Al-Abidin Ibni Tuanku Muhriz, dan Exco Pelancongan Negeri Dato' Tun Hairudin Abu Bakar yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Pinang.

Program tiga hari dua malam anjuran EDU-Park, UPM dan Pusat Transformasi Universiti (UCTC) UPM itu, juga bertujuan memberi perkongsian ilmu dan menentengahkan pengetahuan kepada pelajar UPM serta mempertingkatkan kemahiran komunikasi dan membina hubungan baik dengan masyarakat di situ.

Program itu juga mendapat sokongan daripada Kementerian Luar Bandar dan Wilayah. Antara aktiviti lain ialah aktiviti kemasyarakatan bersama penduduk kampung Sawah Sunggala, usahawan desa serta karnival pameran penciptaan teknologi inovasi UPM. - UPM

